

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

13 March 2016

Libatkan rakyat untuk capai agenda peribadi

PM tempelak bekas pemimpin negara

Oleh ANGELINA SINYANG
perisarang@utusan.com.my

■ KUCHING 12 MAC

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menempelak seorang pemimpin yang pernah mengetuai kerajaan selama 22 tahun kerana melibatkan rakyat untuk mencapai agenda peribadi.

Tanpa menyebut nama pemimpin terbabit tetapi dipercayai individu dimaksudkan ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau berkata, bekas pemimpin negara yang mengadakan satu majlis untuk mengisytiharkan pakatan bersama pembangkang bagi menjatuhkannya baru-baru ini sebenarnya mengambil tindakan itu tanpa persetujuan rakyat.

Justeru, katanya, rakyat perlu menggunakan minda bukannya perasaan untuk menilai apa itu fakta sebenar, atau, separa kebenaran, cerita rekaan semata-mata dan pendapat peribadi.

"Hal ini kerana dalam internet dan sosial media, terdapat banyak jenis



Ada cerita sebahagiannya benar, sebahagian tidak benar misalnya seseorang itu memulakan cerita mengatakan si polan itu pergi ke London dan ia benar tetapi apa yang berlaku di London pula direka ceritanya."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

perkara yang ada. Ia ada kebenaran, pengetahuan, cerita yang direka, ada yang benar dan tidak benar.

"Ada cerita sebahagiannya benar, sebahagian tidak benar misalnya seseorang itu memulakan cerita mengatakan si polan itu pergi ke London dan ia benar tetapi apa yang berlaku di London pula direka ceritanya.

UM - 13/3/2016

"Begitu juga misalnya apabila berlaku satu kumpulan yang diketuai oleh seorang yang pernah memimpin selama 22 tahun mengadakan majlis mengisytiharkan deklarasi rakyat tetapi sebenarnya bukan deklarasi rakyat sebab ia bukan ditentukan, ditulis, dipersetujui oleh rakyat Malaysia memandangkan sebahagian besar rakyat Sarawak di sana (Semenanjung) tidak bersetuju dengan apa yang telah berlaku pada hari ini," ujarnya dalam ucapan ketika ketika merasmikan Majlis Pelancaran Minda di Tebingan Kuching di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Najib berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem kerana menghitung dan mengumumkan beliau telah 46 kali melawat Sarawak dalam tempoh enam tahun menjadi Perdana Menteri iaitu paling kerap berbanding lima pemimpin lain yang pernah memegang jawatan sama sebelum ini.

Katanya, lawatan kerap itu disebabkan beliau percaya bahawa Sarawak mesti dibangunkan sejajar dengan agenda rakyat negeri ini.